



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Wan Roshazli Wan Razali. (2025). Penyelesaian konflik dalam naratif epik Iban: Satu kajian terhadap *Ensera Ayor*. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 107-129. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.5>

**PENYELESAIAN KONFLIK DALAM NARATIF EPIK IBAN:
SATU KAJIAN TERHADAP *ENSERA AYOR***

*(Conflict Resolution in Iban Epic Narrative:
A Study on Ensera Ayor)*

Wan Roshazli Wan Razali

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia, Malaysia

wan_sha@usm.my

Received: 31/12/2024 Revised: 12/3/2025 Accepted: 18/3/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Malaysia bukan sahaja kaya dengan kepelbagaian masyarakat majmuk tetapi juga memiliki warisan kesusasteraan yang unik, merangkumi pelbagai etnik termasuk masyarakat Orang Asli serta etnik di Sabah dan Sarawak. Walaupun Sarawak dan Sabah dipisahkan secara geografi oleh Laut China Selatan daripada Semenanjung Malaysia, hal ini tidak menghalang perkembangan dan penyebaran karya kesusasteraan mereka. *Ensera Ayor* merupakan salah satu epik klasik yang sangat berharga bagi masyarakat Iban dan terus menjadi rujukan generasi kini. Sebagai sebuah epik, *Ensera Ayor* menampilkan pelbagai konflik yang diolah dengan penuh kebijaksanaan oleh pengarangnya. Konflik merupakan elemen asas dalam sesebuah karya sastra, namun ia dapat diselesaikan melalui pelbagai kaedah.

Oleh itu, makalah ini membincangkan kaedah penyelesaian konflik yang terdapat dalam *Ensera Ayor* dengan berpandukan pendekatan penyelesaian konflik yang dikemukakan oleh M.d Yadi Said serta Blake dan Mouton. Hasil penelitian mendapati bahawa lima kaedah utama yang digunakan dalam penyelesaian konflik dalam *Ensera Ayor* ialah pengelakan, persaingan, mempertahankan diri, muslihat, dan penyesuaian diri. Kelima-lima kaedah ini berakar dalam adat serta nilai budaya masyarakat Iban, yang mencerminkan kebijaksanaan dan strategi mereka dalam menangani pertentangan sosial.

Kata Kunci: Penyelesaian konflik, *Ensera Ayor*, masyarakat Iban, muslihat, penyesuaian diri.

ABSTRACT

Malaysia is not only rich in its multicultural diversity but also in its unique literary heritage, encompassing various ethnic groups, including the indigenous Orang Asli as well as the ethnic communities of Sabah and Sarawak. Although Sarawak and Sabah are geographically separated from Peninsular Malaysia by the South China Sea, this has not hindered the dissemination and development of their literary works. Ensera Ayor is one of the most treasured classical epic narratives of the Iban community and remains relevant to contemporary generations. As an epic, Ensera Ayor presents various conflicts, skillfully woven into the narrative by its author. Conflict is an essential element in literary works, yet it can be addressed through different resolution strategies. This paper examines the conflict resolution methods employed in Ensera Ayor, guided by the conflict resolution approaches proposed by M.d Yadi Said as well as Blake and Mouton. The findings reveal that five primary strategies are used in resolving conflicts within Ensera Ayor: avoidance, competition, self-defense, deception, and adaptation. These strategies are deeply rooted in the customs and cultural values of the Iban community, reflecting their wisdom and approaches in managing social conflicts.

Keywords: Conflict resolution, *Ensera Ayor*, Iban community, deception, adaptation.

PENGENALAN

Masyarakat Iban merupakan etnik majoriti yang tinggal di negeri Sarawak dan rata-ratanya menganuti agama Kristian. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Yayasan Budaya Melayu Sarawak (2023), peratusan masyarakat Iban yang menghuni negeri Sarawak adalah 30.2%. Orang Iban ialah berketurunan Melayu jati atau juga dikenali sebagai “Protos Malays.” Perkataan *Iban* berasal daripada bahasa Kayan. Masyarakat Kayan biasanya menggelar Dayak Laut sebagai *Ivan* dalam kalangan mereka. Namun, apabila Dayak Laut menyebut kembali perkataan tersebut, bunyi “v” dalam bahasa Kayan telah ditukar menjadi huruf “b”. Mereka menyebutnya kembali sebagai *Iban*, dan muncullah perkataan *Iban* untuk menggantikan gelaran *Dayak Laut*. Bagi masyarakat Iban itu sendiri, perkataan *Iban* merujuk kepada tiga perkara. Pertama, ia digunakan untuk menunjukkan perbezaan mereka dengan subetnik Dayak Darat, Kayan, Melayu, dan sebagainya. Kedua, ia digunakan untuk membezakan mereka dengan bomoh. Ketiga, perkataan *Iban* juga bermaksud “orang” (Patricia Ganing et al., 2020, Awang, 2024).

Walaupun etnik Iban tidaklah seramai masyarakat utama di Malaysia seperti Melayu, Cina, dan India, mereka turut memiliki khazanah kesusasteraan tersendiri. Kesusasteraan masyarakat Iban dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu sastra lisan, sastra separuh lisan, dan sastra bukan lisan. Sastra lisan disampaikan sepenuhnya secara lisan menggunakan bahasa Iban, termasuklah nama panggilan atau timangan, peribahasa (*sempama*), bahasa kiasan (*jaku*), teka-teki (*entelah*), pantun, *jawang*, *ganu*, *ramban*, cerita rakyat, *Ensera*, dan sebagainya. Sastra separuh lisan pula merupakan campuran unsur lisan dan bukan lisan, termasuk kepercayaan (*pengarap asal*), permainan rakyat (*main asal*), tarian (*ngajat*), adat istiadat, *gawai*, dan lain-lain. Sastra bukan lisan berbentuk bukan lisan walaupun diajar dan dipertuturkan secara lisan, seperti seni bina rumah (*rumah panjang*), kraf tangan, ukiran, tatu, pakaian, perhiasan tradisional, makanan, minuman tradisional, dan muzik tradisional (Patricia Ganing et al., 2020).

Tradisi lisan etnik Iban dikenali sebagai *enser*. Secara amnya, kesemua hasil kesusasteraan masyarakat Iban berlatarbelakangkan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban tradisional yang berpusat di sekitar kehidupan penghuni rumah panjang. Kesusasteraan lisan

masyarakat Iban tampil dalam bentuk prosa (separa prosa) dan puisi (bahasa berirama). Suku Iban terkenal dengan kemahiran berbahasa, dan mereka berasa bangga jika digelar *landik bejaku* (pandai berkata-kata) atau *bepantun* (berpuisi) (Noriah Taslim & Chemaline Osup, 2013).

Khazanah kesusasteraan lisan Iban terdiri daripada pelbagai jenis bentuk sastra seperti *mantera*, *pelandai* dan *sanggai* (puisi cinta), *jaku entelah* (teka-teki), *ensumar* (puisi puji-pujian), *sempama* (perumpamaan), *jaku dalam* (kiasan), *jaku karang* (simpulan bahasa) dan seumpamanya. Namun, bentuk sastra lisan yang paling terkenal dalam masyarakat Iban ialah *jerita tuai* (cerita orang tua-tua), *Ensera* (epik atau saga yang dipuisikan), dan legenda kepahlawanan Iban (Noriah Taslim & Chemaline Osup, 2013).

Setiap puisi dalam masyarakat Iban berlatarbelakangkan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban tradisional. Salah satu karya yang cukup terkenal dalam komuniti Iban ialah *Ensera Ayor*. *Ensera Ayor* merupakan puisi berbentuk epik yang menaratifkan pengembaraan, kemegahan, dan kehebatan wira masyarakat Iban. Keunikan *Ensera Ayor* terletak pada penyampaiannya yang berbentuk lisan, meskipun kisahnya sangat panjang. Hal ini mungkin hanya terdapat dalam tradisi masyarakat Iban di Sarawak (Noriah Taslim & Chemaline Osup, 2013), sedangkan karya epik lain seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Amir Hamzah* dihasilkan dalam bentuk bertulis kerana kerumitannya untuk dihafal.

Kehadiran agama Islam serta sistem tulisan yang diperkenalkan telah mendorong usaha penulisan hikayat, terutama dalam konteks istana yang berperanan sebagai pusat keilmuan dan kesusasteraan. Penulisan ini bukan sahaja memastikan ketepatan dan kesinambungan naratif tetapi juga memudahkan penyebaran karya kepada generasi seterusnya tanpa risiko perubahan atau kehilangan maklumat akibat penyampaian lisan semata-mata (Noriah Taslim, 1993). Walau bagaimanapun, karya-karya ini kini semakin diancam kepupusan akibat perubahan zaman dan kurangnya minat generasi muda untuk mengangkat sumber tradisi ini.

Ensera Ayor bukan sahaja menggambarkan corak kehidupan masyarakat Iban, tetapi pada masa yang sama turut memancarkan falsafah yang terkandung dalam karya tersebut. Falsafah ini

merangkumi aspek tradisi, budaya, kepercayaan, serta pelbagai unsur lain yang berkaitan dengan masyarakat Iban. Kesusasteraan klasik merupakan cerminan masyarakat silam kerana ia berfungsi sebagai refleksi terhadap corak kehidupan sesuatu komuniti.

Sebagai salah satu contoh kesusasteraan klasik, *Ensera Ayor* mencerminkan kehidupan etnik Iban pada masa lampau. Karya ini bukan sahaja menggambarkan kegiatan seharian masyarakatnya, tetapi turut menampilkan kebijaksanaan mereka dalam menyelesaikan masalah dan menangani konflik yang dihadapi. Hal ini memperlihatkan bahawa *Ensera Ayor* bukan sekadar sebuah epik, tetapi juga satu rakaman sosial yang mencerminkan pemikiran dan strategi penyelesaian konflik dalam masyarakat Iban.

Definisi Konflik

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1998) menyatakan bahawa konflik adalah sesuatu yang sering berlaku dalam perhubungan interpersonal dan, kerana kekerapan berlakunya, ia wajar dianggap sebagai sesuatu yang normal. Setiap perhubungan melibatkan individu yang memiliki pelbagai peribadi, idea, emosi, konsep diri, dan pelbagai faktor lain. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1998) turut menjelaskan bahawa terdapat dua jenis konflik, iaitu konflik isi dan konflik pertalian. Konflik isi merujuk kepada konflik yang berpusat pada benda, perkara, peristiwa, atau individu yang menjadi punca kepada pertentangan. Konflik pertalian pula melibatkan hubungan antara individu, seperti hubungan suami isteri, anak dan ibu bapa, atau ahli keluarga lain, di mana konflik timbul bukan kerana isi tetapi kerana hubungan tersebut.

Secara umumnya, konflik boleh dirumuskan sebagai keadaan ketidaksepakatan atau ketidaksesuaian terhadap sesuatu keperluan atau keputusan. Hal Ini bermaksud individu tidak bersetuju terhadap sesuatu isu kerana mempercayai bahawa keputusan yang diambil tidak dapat memenuhi keperluan atau kepentingan mereka. Secara lebih luas, konflik berlaku apabila terdapat pertembungan kepentingan, nilai, objektif, atau pandangan yang berbeza antara individu atau kumpulan (Mohd Haniff, 2023; Mohamed Nazreen et al., 2022). Konflik juga boleh didefinisikan sebagai fenomena semula jadi yang melibatkan proses persepsi yang berterusan antara dua atau lebih individu yang mempunyai matlamat, idea, nilai, tingkah laku, atau emosi yang berbeza (Md. Yadi, 2006).

Konflik ditakrifkan sebagai perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, dan lain-lain (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, t.t.). Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1998), konflik merupakan situasi yang sering berlaku dalam perhubungan interpersonal. Konflik melibatkan individu yang mempunyai pelbagai idea, emosi, dan konsep diri yang berbeza, yang boleh membawa kepada ketidaksefahaman atau ketegangan dalam interaksi sosial. Nidzam (2018) pula menjustifikasikan konflik sebagai suatu fenomena yang biasa dan lumrah dalam kehidupan, sama ada dalam masyarakat, kelompok, etnik, individu, kebudayaan, ekonomi, atau sosial. Menurutnya, masyarakat atau individu yang tidak mengalami konflik dianggap tidak normal kerana konflik merupakan sebahagian daripada dinamika sosial yang tidak dapat dielakkan. Walaupun sering dikaitkan dengan aspek negatif, konflik tidak wajar dilihat dari sudut negatif semata-mata. Sebaliknya, ia juga boleh membawa manfaat, seperti merapatkan hubungan, memulihkan kembali silaturahim, serta memperbaiki sesuatu yang retak (Nidzam, 2018). Oleh itu, cara pengurusan konflik memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada konflik membawa kesan positif atau negatif kepada individu dan masyarakat.

Pruitt dan Rubin (2004) mendefinisikan konflik sebagai situasi yang melibatkan perkelahian, pergaduhan, peperangan, termasuk pertumpahan darah. Kedua-dua sarjana ini turut memperluas konsep konflik sebagai suatu bentuk ketidaksepakatan atau pertentangan yang berpunca daripada kepentingan tersendiri, serta kesukaran dalam mencapai penyelesaian bersama. Pandangan mereka cenderung kepada perspektif yang lebih radikal kerana menekankan unsur kekerasan dalam konflik, yang sesuai dengan gambaran konflik berdarah dalam *Ensera Ayor*.

Menurut Blake (1991), konflik berlaku apabila dua pihak atau kumpulan berusaha untuk memiliki objek yang sama, menduduki ruang yang sama, atau bersaing dalam merebut kedudukan tertentu. Dalam konteks yang lebih luas, Malike (2008) mengkategorikan konflik kepada beberapa jenis utama, iaitu konflik dalaman, konflik interpersonal, konflik intrakelompok, dan konflik interkelompok:

1. Konflik dalaman merujuk kepada pertentangan dalam diri individu yang melibatkan emosi, nilai, pemikiran, atau kepercayaan peribadi.

- II. Konflik interpersonal berlaku antara individu, biasanya akibat perbezaan pendapat atau kepentingan.
- III. Konflik intrakelompok melibatkan perbalahan dalam sesebuah organisasi atau kumpulan, yang sering berpunca daripada ketidaksefahaman mengenai matlamat, kehendak peribadi, atau ideologi.
- IV. Konflik interkelompok pula merujuk kepada pertentangan antara kumpulan yang berbeza.

Dalam *Ensera Ayor*, pelbagai bentuk konflik diketengahkan, merangkumi konflik dalam kalangan ahli keluarga dan pertikaian antara pihak yang berlainan. Secara keseluruhannya, konflik boleh dirumuskan sebagai ketidaksepakatan atau pertentangan akibat perbezaan kepentingan, nilai, objektif, atau tindakan antara individu atau kumpulan. Konflik boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan konteks, termasuk hubungan peribadi, sosial, politik, ekonomi, dan budaya.

Walaupun sering dikaitkan dengan kesan negatif, konflik juga boleh memberikan kesan positif sekiranya ditangani dengan baik. Ia boleh memperkukuh hubungan sosial dan membawa kepada penyelesaian yang lebih baik dalam sesebuah masyarakat. Dalam *Ensera Ayor*, konflik yang dipaparkan merangkumi konflik isi dan konflik pertalian (dalam hubungan kekeluargaan), selain konflik interpersonal dan interkelompok. Oleh itu, konflik dalam karya ini menggambarkan realiti sosial bahawa ketegangan dan pertentangan merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia.

Tokoh-tokoh dalam *Ensera Ayor* tidak menyerah kepada nasib semata-mata, sebaliknya mereka berusaha menyelesaikan konflik demi keselamatan diri dan keluarga. Keupayaan mereka dalam mengatasi pihak lawan, sama ada secara individu atau dengan bantuan pihak lain, mencerminkan kekuatan dan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam menangani pertentangan. Md. Yadi (2006) menegaskan bahawa konflik harus ditangani segera kerana konflik yang berlarutan boleh membawa kepada keadaan yang lebih buruk. Kesan konflik berbeza mengikut individu yang terlibat, dan selain membawa kesan negatif, ia juga boleh memberikan manfaat sekiranya ditangani dengan bijaksana.

Penulisan ini akan mengupas konflik yang terdapat dalam *Ensera Ayor* serta kaedah penyelesaiannya, dengan menumpukan kepada

konflik interpersonal dan interkelompok yang digambarkan dalam teks tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini berasaskan penelitian terhadap kajian lepas yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji terdahulu, termasuk Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2017), Wan Roshazli Wan Razali dan Sakinah Abu Bakar (2020), serta Nur Nabilah Mohd Razi dan Muhd Norizam Jamian (2024), selain beberapa pengkaji lain. Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada kaedah penyelesaian konflik dalam teks-teks klasik seperti cerita binatang, cerita lipur lara, serta teks sastra sejarah. Namun, kajian berkaitan konflik dan penyelesaiannya dalam *Ensera Ayor*, epik masyarakat Iban, masih belum ditemui setakat ini. Berdasarkan kelompangan ini, kajian mengenai penyelesaian konflik dalam *Ensera Ayor* wajar dilakukan bagi mengisi kekosongan kajian yang sedia ada. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengangkat kembali warisan silam yang semakin dipinggirkan akibat perubahan arus zaman.

Walau bagaimanapun, kajian terhadap *Ensera Ayor* yang telah dilakukan sebelum ini lebih menumpukan kepada aspek lain. Antara pengkaji yang telah menjalankan kajian ke atas *Ensera Ayor* ialah Doratya Gerry dan Chemaline Osup (2020), yang meneliti kaedah mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *Ensera*. Kajian tersebut memberi tumpuan kepada keberkesanan pengajaran bahasa Iban oleh para guru dengan menggunakan teori konstruktivisme dan teori moral. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa teks *Ensera Ayor* mampu menanam nilai-nilai positif dalam diri pelajar dan guru.

Selain itu, kajian Noorasikin Azis (2016) lebih tertumpu kepada *Ayor: Wira Hodoh Sastra Rakyat Iban*. Dalam kajian ini, Noorasikin menggunakan teori wira oleh Bowra (1966) sebagai landasan utama kajian. Hasil kajian mendapati bahawa watak Ayor memenuhi ciri-ciri wira yang diutarakan oleh Bowra. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh tentang konflik dan penyelesaian dalam teks tersebut.

Noriah Taslim dan Chemaline Osup (2013) pula memfokuskan kajian mereka kepada *Ensera Ayor Epik Rakyat Iban*. Buku ini mengaitkan

watak Ayor sebagai legenda masyarakat Iban yang berkait rapat dengan kepercayaan, kebudayaan, dan mitos masyarakat Iban yang dianggap suci. Namun, seperti kajian-kajian terdahulu, unsur konflik dan penyelesaiannya tidak dibincangkan secara khusus dalam penulisan ini.

Seterusnya, Wan Roshazli Wan Razali dan Shakti Nagesvari Paramasivan (2024) turut membincangkan *Ensera Ayor* sebagai cerminan kebijaksanaan masyarakat Iban berkaitan etnosentrisme dalam mendepani era teknologi. Perbincangan ini berdasarkan teori etnosentrisme oleh Graham Sumner, yang menyatakan bahawa agama merupakan faktor utama yang mendorong ke arah etnosentrisme, diikuti oleh faktor perpaduan. Hasil kajian mendapati bahawa *Ensera Ayor* bukan sahaja memerihalkan kehidupan masyarakat Iban tetapi juga memancarkan akal budi, pemikiran, falsafah, dan kebijaksanaan masyarakat Iban silam yang tidak dimiliki oleh teknologi masa kini.

Berdasarkan tinjauan kajian lepas yang dilakukan, masih belum ditemui kajian yang secara khusus membincangkan penyelesaian konflik dalam *Ensera Ayor*, epik masyarakat Iban. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti bagaimana konflik dikendalikan dan diselesaikan dalam epik ini, serta menghubungkannya dengan nilai dan falsafah yang diamalkan oleh masyarakat Iban.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan naskhah *Ensera Ayor: Epik Rakyat Iban*, yang telah ditransliterasikan oleh Noriah Taslim dan Chemaline Osup (2013). Perbincangan terhadap teks ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan, yang dipilih kerana ia sesuai untuk sumber data berbentuk dokumen bertulis, buku, manuskrip, dan teks (Mohamed Nazreen et al., 2023).

Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan sumber dalam talian bagi memperoleh bahan sokongan serta kajian terkini berkaitan *Ensera Ayor*. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuh hasil perbincangan dengan mengintegrasikan perspektif daripada kajian terdahulu dan sumber akademik yang relevan.

Kaedah Penyelesaian Konflik

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam menyelesaikan konflik. Menurut Blake (1991), beberapa kaedah yang berkesan termasuk paksaan, penerimaan, pengelakan, pengantaraan, adjudikasi, timbang tara, dan rundingan. Blake dan Mouton (seperti yang dikutip dalam Malike, 2008) pula menegaskan bahawa pengendalian konflik boleh dikategorikan kepada lima pendekatan utama, iaitu persaingan, kompromi, kerjasama, pengelakan, dan penyesuaian diri.

Jadual 1

Kaedah Penyelesaian Konflik dalam Ensera Ayor

Kaedah Penyelesaian Konflik	Penjelasan
Pengelakan	Tokoh menghindari konflik dengan mengelak daripada berhadapan dengan situasi yang boleh mencetuskan pertentangan.
Persaingan	Tokoh bersaing untuk mencapai matlamat masing-masing, sama ada dalam bentuk kuasa, kedudukan, atau pengaruh.
Mempertahankan Diri	Tokoh berusaha melindungi diri daripada ancaman atau serangan, sama ada secara fizikal, mental, atau strategik.
Muslihat	Tokoh menggunakan helah, tipu daya, atau strategi tertentu untuk mengatasi lawan atau keluar daripada konflik.
Penyesuaian Diri	Tokoh menyesuaikan diri dengan keadaan atau tuntutan situasi bagi mengurangkan ketegangan dan mencapai penyelesaian.

Sementara itu, Md. Yadi (2006) menyarankan beberapa strategi lain untuk menyelesaikan konflik, termasuk integriti, obligasi, dominasi, pengelakan, dan kompromi. Selain itu, muslihat dan mempertahankan diri juga dianggap sebagai langkah bijak dalam menangani konflik. Tambah beliau lagi, dalam sesetengah keadaan, gabungan beberapa kaedah mungkin diperlukan untuk mencapai resolusi yang lebih

berkesan, kerana setiap konflik mempunyai keunikan tersendiri dan memerlukan pendekatan yang berbeza.

Walaupun terdapat persamaan dalam pandangan para sarjana mengenai kaedah penyelesaian konflik, terdapat juga perbezaan ketara. Sebagai contoh, Blake (1991) dan Mouton (seperti yang dikutip dalam Malike, 2008) lebih cenderung mencadangkan persaingan sebagai salah satu strategi utama untuk mengatasi konflik. Sementara itu, Malike (2008) merumuskan bahawa terdapat tiga kemungkinan dalam penyelesaian konflik, iaitu menang-kalah, kalah-kalah, dan menang-menang.

Dalam konteks *Ensera Ayor*, tokoh-tokoh yang berkonflik telah menggunakan pelbagai strategi untuk menyelesaikan pertentangan yang dihadapi. Lima kaedah utama yang dapat dikenal pasti dalam teks ini ialah pengelakan, persaingan, mempertahankan diri, muslihat, dan penyesuaian diri.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Konflik dalam *Ensera Ayor* bermula apabila Kumang mengidam untuk memakan asam kumbang. Suaminya, Keling, bersama rakannya, Laja, memulakan perjalanan atau pengembaraan untuk memenuhi keinginan tersebut. Namun, selepas pemergian mereka, Keling dan Laja tidak kembali, sehinggalah Kumang melahirkan seorang anak lelaki bernama Ayor.

Disebabkan wajahnya yang hodoh dan tidak menyerupai manusia biasa, Kumang berasa malu dan mengambil keputusan untuk membuang Ayor di hutan. Ayor kemudian ditemui dan dipelihara oleh Bungai Nuing dan Punga sehingga beliau dewasa. Walaupun memiliki rupa paras yang hodoh, Ayor mempunyai keperibadian yang baik serta ketangkasan dan kehebatan yang tidak dapat ditandingi oleh pemuda-pemuda di rumah panjang tersebut.

Pelbagai konflik dihadapi oleh watak-watak dalam epik ini, khususnya Ayor. Namun, setiap konflik yang timbul dapat diatasi melalui kaedah penyelesaian yang tersendiri, yang mencerminkan kebijaksanaan dan strategi yang digunakan dalam menghadapi cabaran serta pertentangan sosial.

Pengelakan

Kaedah penyelesaian konflik berbentuk pengelakan merujuk kepada tindakan menjauhkan diri, menghindari, atau tidak berhadapan dengan sesuatu perkara, situasi, atau individu yang dianggap tidak diingini, mengancam, atau memberi kesan negatif. Pengelakan boleh berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk sosial, psikologi, dan strategi dalam penyelesaian konflik (Md. Yadi Said, 2006).

Dalam *Ensera Ayor*, tindakan Kumang membuang anaknya ke hutan boleh dikaitkan dengan kaedah pengelakan dalam konteks psikologi dan sosial. Kumang berasa malu, takut, dan tidak dapat menerima hakikat mengenai keadaan anaknya yang dilahirkan dengan wajah yang hodoh. Sebagai jalan keluar, dia memilih untuk membuang anaknya ke hutan bagi mengelakkan tekanan emosi yang lebih berat. Selain itu, tindakan tersebut juga bertujuan menghindari stigma sosial kerana dalam masyarakat tradisional, rupa fizikal yang luar biasa sering dianggap pelik dan tidak diterima, serta boleh menerima reaksi negatif daripada masyarakat sekeliling.

Apabila meratapi wajah anaknya itu
Bagai raut wajah anak kecil monyet kera
Hancur luluh di dalam hatinya
Rasa malu tidak terperi
Akhirnya Kumang nekad
Hendak membuang anak kecil itu
Dalam hati sanubarinya
Anak itu perlu diketepi
Keputusan Kumang muktamad
Buang sahaja ke hutan rimba
(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 167-168)

Tindakan Kumang jelas berada di luar batas kemanusiaan dan naluri seorang ibu. Pada awalnya, Kumang sangat bahagia dengan kehamilannya, namun setelah kelahiran anaknya yang tidak menyerupai manusia, dia mengalami kekecewaan mendalam sehingga menyalahkan Tuhan atas keadaan anaknya. Berbanding wajahnya yang menawan dan suaminya, Keling, yang tampan, kelahiran anak yang hodoh dianggap sebagai satu kegagalan.

Sebagai cara untuk mengelakkan diri daripada terus membesarkan anaknya, Kumang mengambil keputusan drastik dengan membuang

anaknya ke hutan dan berpura-pura mengatakan bahawa anak itu “tak jadi manusia,” iaitu telah meninggal dunia semasa dilahirkan. Dalam adat masyarakat Iban, sekiranya seorang bayi meninggal sebelum tumbuh gigi, kematian tersebut tidak akan dihebohkan kepada penghuni rumah panjang.

Walau bagaimanapun, kaedah penyelesaian konflik berbentuk pengelakan yang dilakukan oleh Kumang hanya bersifat sementara. Pengelakan bukanlah penyelesaian jangka panjang kerana masalah tersebut akhirnya tetap akan terbongkar. Keputusan Kumang untuk mengelakkan masalah ini hanya menangguhkan realiti yang harus dihadapinya suatu hari nanti.

Selain Kumang, strategi pengelakan turut digunakan oleh Keling, Laja, dan Ayor ketika mereka dikejar oleh musuh. Keling, yang disangka telah mati, sebenarnya menjadi tawanan kepada Jenung Sabong Bebiau Bujang ketika sedang mencari buah asam kumbang yang diidamkan oleh Kumang. Dalam situasi ini, pengelakan dilakukan oleh ketiga-tiga watak kerana jumlah musuh yang terlalu ramai untuk mereka hadapi secara langsung. Langkah ini diambil bagi menyelamatkan diri dan mengelakkan pertumpahan darah yang tidak perlu.

Mereka terus laju lari
Sorakan musuh kedengaran mencari
Larilah mereka meredah hutan
Dalam kegelapan malam itu
Kerana tidak tahu
Ke mana hendak lari
Bila musuh datang dekat
Bersembunyi mereka di semak
Bila musuh sudah melimpas lalu
Mereka lari ikut jalan lain

(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 234)

Dalam konteks ini, pengelakan menjadi strategi penyelesaian konflik yang sesuai dengan keadaan yang dihadapi oleh para watak. Kumang menggunakan pengelakan demi harga dirinya, supaya kelahiran anaknya yang berwajah luar biasa tidak diketahui oleh penduduk rumah panjang. Dia ingin mengelakkan ejekan dan penghinaan daripada masyarakat yang mungkin tidak dapat menerima anaknya.

Bagi Ayor, Keling, dan Laja, pengelakan adalah langkah terbaik kerana mereka berhadapan dengan musuh yang terlalu ramai, yang boleh membahayakan keselamatan mereka sekiranya mereka memilih untuk bertempur. Strategi mengelak juga bertujuan untuk mengelakkan konflik daripada menjadi lebih buruk.

Sebagai contoh, Ayor sering memilih untuk berdiam diri apabila dihina oleh teman-teman sepermainannya atau sesiapa sahaja yang mengejeknya kerana rupa parasnya. Daripada membalas ejekan atau hinaan, Ayor mengambil sikap menghindari konfrontasi. Dia sering mengingatkan dirinya bahawa kejadiannya adalah ketentuan takdir, dan menerima nasibnya dengan sabar. Pengelakan dalam konteks ini bukan hanya sekadar menghindari konflik secara fizikal tetapi juga secara emosi dan sosial, mencerminkan kebijaksanaan watak dalam menangani cabaran yang dihadapi.

Persaingan dan Mempertahankan Diri

Selain kaedah pengelakan, persaingan dan mempertahankan diri juga digunakan sebagai strategi dalam penyelesaian konflik dalam *Ensera Ayor*. Persaingan merujuk kepada keadaan di mana dua atau lebih pihak berusaha mencapai matlamat yang sama, sering kali dengan cara yang memberi kelebihan kepada satu pihak berbanding pihak lain. Persaingan boleh berlaku dalam pelbagai konteks, termasuk ekonomi, sosial, akademik, dan politik. Bentuk persaingan pula boleh dibahagikan kepada dua, iaitu persaingan sihat dan persaingan tidak sihat (Membunga @ Siti Meriam Yaacob, 2017).

Dalam konteks *Ensera Ayor*, persaingan antara Ayor, Runggak, Tungkai, dan Bujang Ilang adalah bentuk persaingan yang tidak sihat kerana mereka sering menggunakan pelbagai tipu daya untuk ‘mengena’ Ayor. Mempertahankan diri, pula bermaksud berusaha untuk mengekalkan, melindungi, atau memastikan sesuatu terus berada dalam keadaan asalnya atau lebih baik. Langkah ini diambil apabila terdapat ancaman atau cabaran daripada pihak lain.

Konflik antara Ayor, Runggak, Tungkai, dan Bujang Ilang bersifat intrapersonal, di mana Runggak dan Bujang Ilang cemburu terhadap Ayor kerana kelebihan yang dimilikinya. Meskipun Ayor berwajah hodoh, dia disukai oleh para gadis kerana memiliki budi pekerti yang baik serta keistimewaan yang tidak dimiliki oleh lelaki bujang Iban

yang lain. Keistimewaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dan cemburu dalam kalangan lelaki bujang Iban.

Runggak, misalnya, cemburu terhadap Ayor kerana dia menyimpan perasaan terhadap Endu Leletan, sedangkan Endu Leletan lebih menyukai Ayor:

Sejak Ayor memberi ikan
Leletan dah banyak berubah
Kian hari Runggak cemburu
Tumbuh benci di dalam hati
Ayor amat tidak disenangi
Jangan-jangan ia akan rampas Leletan
Dari lubuk hati Runggak yang cemburu
Dan kian hari mengatur strategi
Untuk menganiaya Ayor
Namun Ayor tidak pun tahu
Ia dicemburui dan dibenci

(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 200)

Ayor dicabar oleh Runggak dalam beberapa permainan seperti tarik kayu, pencak silat, main gasing, dan pertandingan melompat, tetapi dia memenangi kesemua cabaran tersebut. Tindakan Ayor bukan sahaja untuk mempertahankan dirinya daripada dipandang rendah dan dimalukan oleh Runggak tetapi juga untuk menunjukkan keupayaan dirinya.

Selain Runggak, Bujang Ilang juga menaruh perasaan marah terhadap Ayor kerana Ngemalai begitu rapat dengan Ayor sehingga dia tidak dapat menjalankan adat *ngayap* ke bilik Ngemalai. Dalam masyarakat Iban, *ngayap* ialah amalan tradisi lelaki bujang yang bertemu dengan gadis pada waktu malam sebagai permulaan kepada hubungan percintaan mereka. Ia dilakukan dalam keadaan senyap dan sulit, bukan untuk kepuasan seksual tetapi sebagai langkah awal dalam menjalin hubungan (Noriah Taslim & Chemaline Osup, 2013).

Ketidakmampuan Bujang Ilang untuk menjalankan *ngayap* terhadap Ngemalai kerana kehadiran Ayor menyebabkan dia merancang strategi untuk menyingkirkan Ayor:

Ia jejak yang mendambakan cinta Ngemalai
Namun sejak kehadiran Ayor di bilik Tungkai

Ia dianggap sebagai penghalang utama
Kerana Bujang Ilang tidak dapat ngayap
Disebabkan Ayor tidur melintang di pintu bilik.
Bujang Ilang marah di hati
Ayor mesti diketepikan
Suatu ketika Bujang Ilang menyambar
Berhajat nak bunuh Ayor dengan cara muslihat
(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 225)

Bujang Ilang menyuruh Ayor memanjat pokok *pulor* sebagai muslihat untuk membunuhnya. Rancangan sebenar Bujang Ilang adalah untuk menebang pokok itu ketika Ayor masih berada di atasnya. Namun, perancangan tersebut gagal kerana Ayor memiliki ketangkasan luar biasa yang membolehkannya menyelamatkan diri.

Secara keseluruhannya, tindakan yang diambil oleh Ayor adalah berbentuk persaingan dan mempertahankan diri. Jika beliau tidak bertindak untuk mempertahankan diri, nyawanya boleh terancam akibat muslihat Bujang Ilang dan rancangan Runggak yang sering mencari jalan untuk menjatuhkannya. Namun, dengan ketangkasan dan kebijaksanaannya, Ayor berjaya mengatasi kesemua konflik yang dihadapinya.

Selain bentuk persaingan dan mempertahankan diri yang telah dibincangkan, aktiviti *ngayau* dalam teks ini juga berfungsi sebagai strategi untuk menghadapi konflik. Ekspedisi *ngayau* yang dilakukan oleh masyarakat Iban pada zaman silam bertujuan mempertahankan maruah kaum mereka daripada dicabar, dipermainkan, dan dianiaya oleh pihak lain. Dalam *Ensera Ayor*, peristiwa *ngayau* menjadi salah satu bentuk penyelesaian konflik oleh Keling dan Laja terhadap Jenung Sabong Bebelit:

Kami nak pergi ke benua jauh
Nak merantau ke negeri orang
Nak mengembara di rantau orang
Kerana niat kami besar lebar
Nak mencari tambong (kepala manusia) kepala nyior
nyintong
Yang begupong niti tangkai
Nak mencari tangkai belinyot bubok
Yang berambut panjang merudai

Pertama, nak langar benua Jenung Sabung Bebelit
Bujang Serampang Makai Besi
Ini sebabnya hasrat kami
Kerana dendam antara kami
Kedua, kami berniat nak langar
Benua orang di Daloh Madang Buluh
Teda Tingkoh Ambi ke Panchung
Adalah ini sebab kami nak langar
Nak punggut bayaran hutang
Kepada si Ayor dahulu kala
Maka ada baiknya kalian semua
Mengetahui ke mana kami pergi
Rakyat lelaki di rumah panjang itu semua setuju
Nak turut serta dalam ekspedisi ngayau
(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 248-249)

Dalam epik ini, orang Iban digambarkan sebagai etnik yang sangat mementingkan maruah dan harga diri, di mana pembelaan maruah adalah tanggungjawab kolektif masyarakat dalam rumah panjang. Peristiwa *ngayau* dalam teks ini merupakan tindakan agresif untuk membalas dendam terhadap penghinaan dan penganiayaan yang dilakukan oleh Jenung terhadap Keling dan Laja.

Namun, *ngayau* dalam budaya masyarakat Iban bukanlah tindakan yang dilakukan secara sembarangan. Ia dianggap sebagai suatu tindakan mulia, dan oleh itu, pemuda yang pulang dari ekspedisi *ngayau* sering diraikan dalam pesta naku pala dan dianugerahkan gelaran seperti Bujang Berani, yang mencerminkan keberanian dan kegagahan mereka.

Penyertaan kaum lelaki Iban dalam ekspedisi *ngayau* juga mencerminkan semangat setia kawan dan tolong-menolong dalam masyarakat rumah panjang. Hidup secara berkelompok dalam rumah panjang mempererat hubungan sesama ahli, di mana mereka bersama-sama bekerja, berkongsi hasil hutan, mengerjakan huma, serta bersatu dalam peperangan dan mempertahankan adat mereka. Walaupun ketegangan sesekali timbul, suara orang tua dalam rumah panjang sering menjadi penengah yang meredakan konflik.

Dalam konteks ini, *ngayau* bukan sahaja berfungsi sebagai strategi menyelesaikan konflik dengan musuh, tetapi juga sebagai kaedah

untuk menyelesaikan perselisihan dalam kalangan puak yang bertelagah. Ekspedisi *ngayau* dapat memulihkan hubungan yang renggang dengan menonjolkan kekuatan serta keberanian individu dan kumpulan, sekali gus mengekalkan keharmonian sosial dalam masyarakat Iban.

Berdasarkan situasi dalam naratif ini, persaingan dalam *Ensera Ayor* digambarkan sebagai usaha mencapai kelebihan berbanding pihak lain, sementara mempertahankan diri merujuk kepada usaha mengekalkan atau melindungi sesuatu yang penting bagi seseorang individu atau kumpulan.

Muslihat: Penyamaran dan Penyesuaian Diri

Muslihat merujuk kepada tindakan yang menggunakan helah atau cara halus bagi mengatasi konflik antara dua pihak yang berpengaruh. Dalam konteks *Ensera Ayor*, muslihat diaplikasikan melalui penyamaran dan penyesuaian diri:

- i. Penyamaran ialah tindakan mengubah identiti, penampilan, atau tingkah laku bagi tujuan tertentu, sama ada untuk menyembunyikan diri, mengelirukan pihak lain, atau mencapai sesuatu matlamat tanpa dikenali.
- ii. Penyesuaian diri, pula merujuk kepada proses seseorang menyesuaikan sikap, tingkah laku, dan pemikiran agar selaras dengan persekitaran, situasi, atau individu lain. Ia melibatkan keupayaan menghadapi perubahan, mengatasi cabaran, serta menyesuaikan diri dengan norma sosial dan budaya yang berbeza (Blake, 1991).

Dalam kisah ini, Ayor, Keling, dan Laja telah melakukan penyamaran dengan mengubah fizikal dan identiti mereka. Mereka memakai sarung hodoh dan menukar nama mereka, iaitu Ayor menggunakan nama Runggai, manakala Laja memakai nama Lulong, bagi menguji kesetiaan isteri masing-masing. Ayor turut melakukan penyamaran untuk menguji kejujuran Ngemalai. Meskipun Ayor berwajah hodoh, Ngemalai tetap melayan Ayor dengan baik, mencerminkan perasaan kemanusiaan yang tinggi dalam dirinya:

Ayor masih mengenalinya
Ia tiada mengenal Ayor

Sebab dulunya betapa hodohnya
Ayor dianaiya di rumah itu
Ia tahu baik hati Ngemalai

(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 258)

Muslihat yang dirancang dengan teliti membolehkan ketiga-tiga watak ini mencapai matlamat mereka. Mereka menyembunyikan identiti mereka sepenuhnya bagi menguji kesetiaan pasangan masing-masing:

Panggil sahaja aku Runggai
Pengema Bangkai Landak,” kata Laja
“Jika begitu, panggilah aku Runggai
Pengagai Ukoi Nyalak,” ujar Keling
Itulah nama samaran mereka.
Mereka lalu memakai sarung badan
Masing-masing kini berwajah hodoh

(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 236)

Penyamaran mereka begitu berjaya sehingga Kumang dan Lulong tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya adalah suami masing-masing. Kesetiaan Kumang terhadap Keling turut dicerminkan dalam episod *ngayap*, yang menjelaskan bahawa Kumang bukan wanita murahan:

“Jangan kau meng’aku’ sebarang
Sebut nama sebenar mu
Lelaki pandai bermain kata
Manis mulut di bibir sahaja
Bapa orang pun mengaku bujang”

(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 241)

Berdasarkan insiden-insiden ini, jelas bahawa muslihat melalui penyamaran menjadi salah satu kaedah penyelesaian konflik dalam naratif ini. Ayor, Keling, dan Laja bijak menggunakan strategi ini sebagai penyelesaian masalah yang efektif.

Selain itu, adat *ngayap* juga digunakan sebagai kaedah penyelesaian dalam hubungan Keling-Kumang dan Lulong-Laja. Mereka tidak membelakangkan adat, kerana masyarakat Iban sangat mementingkan nilai-nilai tradisi. *Ngayap* dilakukan oleh Kumang dan Laja untuk

mengelakkan fitnah, kerana kedua-dua wanita ini masih dalam tempoh berkahwin selepas menyangka suami mereka telah meninggal dunia.

Ketegasan watak Keling dalam meletakkan adat sebagai tunjang utama dalam masyarakat Iban dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Ku tak boleh terus tinggal bersamamu lagi
Orang kampung semua dah tahu kau masih berkahwin
Kerana ‘suami’ mu dianggap ‘mati’
Nanti kau pula disalahkan orang
Mungkin dikatakan tiada tahu adat balu
Maka selesaikan dulu adat itu”

(*Ensera Ayor*, 2013, hlm. 243-244)

Peristiwa ini membuktikan bahawa adat bukan sahaja menjadi punca konflik tetapi juga penyelesaian kepada konflik. Penyelesaian masalah melalui penyesuaian diri terhadap adat mengukuhkan lagi kepentingan warisan dalam masyarakat silam. Adat bukan sahaja bertindak sebagai norma sosial, tetapi juga berperanan sebagai undang-undang dan sistem hukuman dalam masyarakat pada zaman tersebut. Di sinilah letaknya kebijaksanaan pengarang Iban silam, yang menempatkan adat sebagai kunci kepada keharmonian sosial.

KESIMPULAN

Konflik yang berlaku dalam *Ensera Ayor* merangkumi pelbagai bentuk seperti persaingan, pengelakan, muslihat, mempertahankan diri, serta isu maruah dan adat. Karya ini bukan sekadar nukilan silam yang dipenuhi mitos dan dongeng, tetapi juga bertindak sebagai khazanah warisan yang membawa nilai-nilai didaktik serta informasi penting.

Walaupun konflik dalam *Ensera Ayor* mencerminkan kehidupan masyarakat Iban silam, ia masih relevan dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan generasi masa kini. Hal ini membuktikan bahawa sastra merupakan cerminan masyarakat silam, yakni berperanan dalam merakam, menyusun, dan merekodkan kebudayaan serta kehidupan nenek moyang.

Rakaman sejarah melalui epik ini membuktikan bahawa masyarakat yang wujud hari ini bukanlah masyarakat yang terputus dari akar

umbinya, tetapi merupakan pewaris kepada tamadun yang kaya dengan warisan budaya dan nilai-nilai luhur. Masyarakat silam, yang menjadi nenek moyang kepada masyarakat Iban masa kini, ialah golongan yang berperadaban tinggi, beradat, beradab, dan berpegang kepada peraturan yang tersusun.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM atas sokongan yang diberikan bagi penyelidikan ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat pendanaan daripada mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengenalan: Wan Roshazli Wan Razali

Permasalahan Kajian: Wan Roshazli Wan Razali

Metodologi: Wan Roshazli Wan Razali

Perbincangan dan Dapatan Kajian: Wan Roshazli Wan Razali

Kesimpulan: Wan Roshazli Wan Razali

Rujukan: Wan Roshazli Wan Razali

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (1998). *Berkonflik dan berunding*. Utusan Publications.
- Awang Rozaimie. (2021). Sustainability of oral history: A case of SRK Pulo at Kampung Semarang. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 31(2), 59-81. <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.2.4>
- Blake, W. (1991). *The resolution of conflict*. Dalam T. Weber (Ed.), *Conflict resolution and Gandhi ethics* (pp. 35–56). The Gandhi Peace Foundation.
- Doratya Anak Gerry, & Chemaline Anak Osup. (2020). Kaedah mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *Ensera*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 31(1), 76–89. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol31no1.6>
- Malike Ibrahim. (2008). *Mengurus konflik*. IBS Buku Sdn. Bhd.
- Md. Yadi Said. (2006). *Mengurus konflik*. PTS Professional.
- Membunga @ Siti Meriam Yaacob. (2017). Penyelesaian konflik dalam cerita lisan masyarakat Temiar. Dalam R. A. Hamid & N. F. Low Abdullah (Eds.), *Akal budi dalam sastra rakyat naratif dan bukan naratif* (hlm. 54-67). Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Rohaya Md Ali & Jacqueline Karimon. (2023). Malay women's challenges in balancing careers and households: A textual analysis study of selected short stories by Zurinah Hassan. *Cogent Arts & Humanities*, 10(1), <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2259663>
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Almahera Abu Hassan, & Syahidatul Munirah Badrul Munir. (2022). Puisi sebagai alat revolusioner: Analisis tekstual puisi-puisi perjuangan Patani dalam internet. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1(1), 85–115. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.3>
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2023). Manikam Kalbu: Adat dan adab Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 55–73. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.3>
- Nidzam Sulaiman. (2018). *Pemikiran sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan kritikan sastra Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim, & Chemaline Osup. (2013). *Ensera Ayor: Epik rakyat Iban*. Universiti Sains Malaysia.

- Noorasikin Azis. (2016). *Ayor: Wira hodoh sastra rakyat Iban* [Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Patricia Ganing, Asmiaty Amat, & Lokman Abdul Samad. (2020). *Entelah warisan dan hubungannya dengan kepercayaan masyarakat Iban*. Universiti Malaysia Sabah.
- Pruitt, D. G., & Rubin, J. Z. (2004). *Teori konflik sosial*. Pustaka Pelajar.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (t.t). Konflik. *Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP*. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=konflik>
- Wan Roshazli Wan Razali & Sakinah Abu Bakar. (2020). Conflict resolution in Syair Sultan Maulana. *Journal Malay Literature*, 33(1), 1-20.
- Wan Roshazli Wan Razali, & Shakti Nagesvari Paramasivan. (2024, April 23–24). *Ensera Ayor sebagai cerminan kebijaksanaan masyarakat Iban berkaitan etnosentrisme dalam mendepani era teknologi* [Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Pembangunan Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah].
- Yayasan Budaya Melayu Sarawak. (t.t.). Statistik penduduk. *Yayasan Budaya Melayu Sarawak*. <https://melayusarawak.org.my/statistik-penduduk/>